

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
TANAH MELAYU 1957

KERTAS

1

Soalan Objektif

Arahan: Tiap-tiap soalan atau pernyataan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Hanya terdapat satu jawapan yang betul atau paling sesuai. Pilih jawapan tersebut.

9.1 Usaha Rundingan
Kemerdekaan

- 1 Selepas Pilihan Raya Umum 1955, Tunku Abdul Rahman dan wakil Raja-raja Melayu menjelaskan perlunya misi rundingan ke London untuk membincangkan beberapa perkara penting. Apakah perkara penting yang perlu dibincangkan?

BUKU TEKS m.s. 216

- I Keselamatan
- II Perlembagaan
- III Dasar luar negara
- IV Sistem pendidikan kebangsaan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 2 Senarai berikut merupakan wakil Raja-raja Melayu pada tahun 1956.

- Dato' Haji Wahab Abd Aziz
- Encik Abdul Aziz Abdul Majid
- Dato' Mohamad Seth Mohammad Said
- Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood

Apakah peranan mereka pada ketika itu? BUKU TEKS m.s. 216

- A Menubuhkan kerajaan negeri
- B Menggubal perlembagaan negeri
- C Menyertai rombongan rundingan kemerdekaan
- D Mengendalikan pilihan raya majlis perbandaran

- 3 Jadual berikut menunjukkan perjalanan rombongan rundingan kemerdekaan ke London.

Perjalanan	Pengangkutan
Dari Kuala Lumpur ke Singapura	Menaiki kapal terbang
Dari Singapura ke Karachi	Menaiki kapal laut
Dari Karachi ke London	Menaiki kapal terbang

Mengapakah rombongan rundingan kemerdekaan mengguna jalan laut untuk ke Karachi? BUKU TEKS m.s. 217

- A Melengah-lengahkan masa
- B Menjimatkan kos perjalanan
- C Mengelakkan ancaman musuh
- D Menyusun strategi bersama-sama

- 5 Gambar berikut menunjukkan persetujuan yang telah dicapai pada akhir rundingan di London pada tahun 1956.



Apakah yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dalam rundingan tersebut? BUKU TEKS m.s. 218

- I Pembentukan Suruhan-jaya Perlembagaan
- II Pegawai British dilantik dalam pentadbiran
- III Pangkalan tentera British dipindahkan dari Tanah Melayu
- IV Perjanjian Pertahanan dan Bantuan Bersama diadakan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


- 4 Gambar berikut menunjukkan satu rombongan yang di ketuai oleh Tunku Abdul Rahman telah berlepas ke London pada tahun 1956.



Apakah tanggungjawab utama rombongan tersebut? BUKU TEKS m.s. 218

- A Meminta bantuan ketenteraan
- B Menuntut kemerdekaan negara
- C Menggubal Perlembagaan
- D Menjalin hubungan persahabatan

- 6 Rajah berikut menunjukkan rundingan di antara pihak British dengan perwakilan Tanah Melayu di London yang menghasilkan X.



X ialah

- A** Perlembagaan Merdeka
B Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
C Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu
D Perjanjian Pertahanan dan Bantuan Bersama

- 7 Perjanjian yang berikut telah ditandatangani pada 8 Februari 1956 di London.

Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu

Mengapakah perjanjian tersebut penting kepada negara kita?

- A** Kedaulatan negara tercapai
B Perpaduan kaum terpelihara
C Pertahanan negara diperkukuh
D Hubungan perdagangan terjalin

- 8 Gambar berikut menunjukkan ketibaan rombongan merdeka diarak hingga ke Padang Banda Hilir, Melaka.



Apakah peristiwa penting yang berlaku pada ketika itu?

- A** Pemasyihuran Kemerdekaan
B Penurunan bendera Union Jack
C Pembentukan Suruhanjaya Reid
D Pengisytiharan tarikh kemerdekaan

- 9 Perjanjian Kemerdekaan dianggap sebagai satu kejayaan cemerlang bagi Parti Perikatan. Kejayaan tersebut merujuk kepada

- A** pembentukan kerajaan oleh Parti Perikatan
B pengiktirafan Parti Perikatan sebagai parti politik yang sah
C penetapan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
D penetapan tarikh Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan

- 10 Gambar berikut menunjukkan seorang ulama besar dari Kepala Batas, Pulau Pinang.



Sheikh Abdullah Fahim

Apakah sumbangan beliau dalam proses mencapai kemerdekaan negara?

- A** Penggubalan perlembagaan
B Penetapan tarikh kemerdekaan
C Pembentukan kerajaan Persekutuan
D Penyertaan rombongan rundingan kemerdekaan

9.2 Peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

- 11 Tokoh-tokoh berikut telah berkumpul di negara kita pada tahun 1956.

- Lord Reid
- Sir William Ivors Jennings
- Sir William Mckell
- Hakim B. Malik
- Hakim Abdul Hamid

Apakah tanggungjawab mereka?

- A** Menyaksikan proses Pilihan Raya Umum
B Merancang Dasar Pendidikan Kebangsaan
C Membentuk kerajaan Persekutuan Tanah Melayu
D Merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka

- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan Suruhanjaya Reid.

Suruhanjaya Reid

- Dibentuk pada bulan Mac 1956
- Dipengerusi oleh Lord Reid

Apakah peranan suruhanjaya tersebut?

- I** Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat
II Menjamin kedudukan Raja-raja Melayu
III Menggubal undang-undang kerajaan negeri
IV Menetapkan tarikh pilihan raya Persekutuan Tanah Melayu
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 13
- Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan bagi Persekutuan Tanah Melayu
 - Menjamin kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain

Mengapakah perkara tersebut dijadikan panduan oleh Suruhanjaya Reid?

- A** Persediaan untuk pilihan raya
B Penggubalan Perlembagaan Merdeka
C Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu
D Perancangan Dasar Pendidikan Kebangsaan

- 14 Suruhanjaya Perlembagaan berperanan untuk membincang, menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

Apakah Terma Rujukan yang perlu diberi perhatian dalam menjalankan tugas tersebut?

(BUKU TEKS m.s. 210)

- I Satu bentuk kewarganegaraan
 - II Kedudukan istimewa orang Melayu
 - III Kedudukan pegawai-pegawai British
 - IV Proses kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

9.3 Langkah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan Suruhanjaya Perlembagaan.

- Dibentuk pada bulan Mac 1956
- Dipengerusi oleh Lord Reid
- Menerima sebanyak 131 memorandum bertulis daripada pelbagai pihak

Apakah tugas suruhanjaya tersebut?

(BUKU TEKS m.s. 220 - 222)

- I Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat
 - II Menjamin kedudukan Raja-raja Melayu
 - III Menggubal undang-undang kerajaan negeri
 - IV Menetapkan tarikh pilihan raya Persekutuan Tanah Melayu
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 16 Berdasarkan draf Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, seseorang yang dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu akan mendapat kerakyatan secara

(BUKU TEKS m.s. 222)

- A jus soli
- B warisan
- C naturalisasi
- D permohonan

- 17 Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah menerima sebanyak 131 memorandum dari pelbagai pihak.

Memorandum daripada pihak Raja-raja Melayu mencadangkan supaya

(BUKU TEKS m.s. 222)

- A soal kerakyatan diperketat
- B pendidikan kebangsaan diutamakan
- C agama Islam menjadi asas pemerintahan
- D Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara

- 18 Yang di-Pertuan Agong dipilih dalam kalangan Raja-raja Melayu setiap lima tahun sekali.

Pemilihan Yang di-Pertuan Agong adalah berdasarkan

(BUKU TEKS m.s. 222)

- A umur
- B negeri
- C kekananan
- D pengalaman

- 19 Mengapakah UMNO tidak bersetuju dengan pemberian kewarganegaraan berdasarkan konsep jus soli?

(BUKU TEKS m.s. 223)

- A Khawatir orang Melayu kehilangan tanah
- B Bimbang Raja-raja Melayu kehilangan kuasa
- C Khawatir perpaduan antara kaum sukar dicapai
- D Bimbang kedudukan istimewa orang Melayu tergugat

- 20 Beberapa cadangan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah dipinda setelah dibahaskan oleh penduduk dan parti politik tempatan.

Dari pindaan tersebut, kita boleh buat kesimpulan bahawa penggubalan perlembagaan perlu

(BUKU TEKS m.s. 221)

- I toleransi antara kaum
 - II meliputi kepentingan semua kaum
 - III mendapat pandangan bekas pegawai British
 - IV dilakukan dalam kalangan pemimpin tempatan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 21 Maklumat berikut merupakan antara perkara yang diperseujui hasil daripada perbincangan pemimpin pelbagai kaum di negara kita.

- Agama Islam sebagai agama rasmi
- Pengkalan kedudukan istimewa orang Melayu
- Kewarganegaraan secara jus soli

Apakah nilai yang ditunjukkan daripada persetujuan tersebut?

(BUKU TEKS m.s. 223)

- A Keberanian
- B Keterbukaan
- C Bersikap jujur
- D Berhemah tinggi

- 22 Pada 9 Mei 1957, tokoh-tokoh berikut telah berlepas ke London untuk berbincang dengan kerajaan British.

- Tunku Abdul Rahman
- Dato' Abdul Razak Hussein
- Ong Yoke Lin
- V.T. Sambanthan

Apakah perkara penting yang dibincangkan?

(BUKU TEKS m.s. 223)

- A Tarikh kemerdekaan
- B Corak pemerintahan
- C Isu kewarganegaraan
- D Kedudukan Raja-raja Melayu

- 23 Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perlembagaan mendapat reaksi daripada pelbagai pihak.

Pihak manakah yang menuntut bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka?

(BUKU TEKS m.s. 311)

- I PAS
- II MIC
- III MCA
- IV UMNO
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 24 Parti berikut telah mengadakan kongres pada 4 Mei 1957 hingga 7 Mei 1957.

- PAS
- Parti Negara
- Parti Rakyat

Apakah faktor yang mendorong parti tersebut mengadakan kongres?

(BUKU TEKS m.s. 223)

- A Kerjasama politik yang kukuh
- B Syarat kewarganegaraan yang longgar
- C Cara pelantikan pemimpin negara kurang jelas
- D Penetapan tarikh kemerdekaan yang meragukan

- 25 Perkara berikut dipinda terhadap cadangan asal Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

- Kewarganegaraan
- Hak istimewa
- Agama

Apakah nilai yang boleh kita contohi daripada pindaan tersebut?

(BUKU TEKS m.s. 311)

- I Bersyukur
- II Berbangga
- III Bermuafakat
- IV Bertolak ansur
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9.4 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

- 26 Apakah kandungan penting Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

(BUKU TEKS m.s. 224 - 225)

- I Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- II Kedudukan istimewa orang Melayu terpelihara
- III Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua kerajaan
- IV Pelantikan anggota Parlimen oleh Yang di-Pertuan Agong

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan cara pemberian kewarganegaraan berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Cara Pemberian Kewarganegaraan

- Kuatkuasa undang-undang
- Permohonan
- X

Apakah X?

(BUKU TEKS m.s. 224)

- A Naturalisasi
- B Pemindahan
- C Pengecualian
- D Nasionalisme

- 28 Antara berikut, yang manakah menerangkan kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

(BUKU TEKS m.s. 315)

- I Penghapusan institusi kesultanan
- II Pemutusan hubungan dengan British
- III Pembentukan negara yang berdaulat
- IV Pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 29 Maklumat berikut merupakan perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan 1957.

- Kewarganegaraan
- Sistem Demokrasi Berparlimen
- X

Apakah X?

(BUKU TEKS m.s. 224 - 225)

- A Kedudukan imigran
- B Pemansuhan Sistem Ahli
- C Kedudukan bahasa Inggeris
- D Pengamalan Raja Berperlembagaan

- 30 Menurut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu dan hak yang sah kaum-kaum lain dilindungi oleh

(BUKU TEKS m.s. 225)

- A Mahkamah
- B Undang-undang
- C Perdana Menteri
- D Yang di-Pertuan Agong